

KONSEP DOA NABI YUNUS DALAM SURAH AL-ANBIYA'

Muhammad Zaqwan Hakeem Bin Malek¹

Muhammad Alif Haziq Bin Khirusham²

Muhammad Arif Ikram Bin Baharuddin³

¹Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Email: zaquwan99@icloud.com

²Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Email: muhdalif526@gmail.com

³Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Email: arif.ikram266@gmail.com

Abstrak: Artikel bertujuan menerangkan berkaitan konsep doa Nabi Yunus beserta bukti bagi menyokong setiap hujah yang akan diberikan. Artikel ini akan mengupas dengan secara terperinci mengenai definisi doa yang sebenar menurut ulama Disamping itu, penulis mengkhususkan kajian berkaitan konsep doa Nabi Yunus di dalam surah Al Anbiya'. Melalui doa atau zikir Nabi Yunus ini, penulis akan menceritakan secara ringkas sirah Nabi Yunus bagi mengenal pasti faktor-faktor yang terlibat berkenaan doa Nabi Yunus. Seterusnya, penulis akan menghuraikan berkenaan konsep dan aspek yang terdapat di dalam doa Nabi Yunus. Objektif artikel bagi memberi pendedahan terhadap penghayatan doa Nabi Yunus yang seterusnya membantu kita untuk menjalani kehidupan seharian dengan lebih efektif. Amal tanpa ilmu itu sesat dan ilmu tanpa amal itu sia-sia, maka dari itu, penggunaan doa Nabi Yunus yang sering diucap di dalam doa tanpa menghayati maksud dan konsep sebenar do aitu boleh membawa kepada perbuatan yang sia-sia. Artikel ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data dan analisis yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah kaedah pembacaan al-Quran, tafsir yang muktabar dan buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini dilaksanakan untuk konsep Doa Nabi Yunus. Pada era modenisasi ini, setiap dari kita akan menghadapi tekanan atau ujian yang berbeza pada setiap hari. Menghadapi ujian yang berbeza bagi setiap manusia boleh membawa kepada pelbagai masalah terutamanya masalah mental. Oleh itu, signifikan artikel ini bagi menjadi salah satu medium bagi kita memahami dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kita di dalam menongkah arus ujian yang dihadapi.

Kata Kunci: Konsep Doa, Nabi Yunus, Surah al-Anbiya'

PENDAHULUAN

Manusia sering kali diuji dengan pelbagai ujian. Hal ini kerana ujian merupakan wasilah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Malah nabi dan rasul juga diuji oleh Allah. Bahkan ujian mereka lebih berat daripada manusia biasa. Nabi Yunus adalah salah seorang Nabi yang diuji oleh Allah kerana ditelan oleh seekor ikan. Pada ketika itu, Nabi Yunus tetap percaya kepada Allah sehingga memanjatkan doa kepada-Nya. Peristiwa ini dirakam dalam surah al-Anbiya. Doa Nabi Yunus menjadi salah satu doa yang sering dibaca kerana diangkat oleh Allah.

Kajian oleh Saifuddin Mahsyam (2015) mengatakan doa adalah ungkapan permohonan seorang hamba kepada Allah dalam meminta apa yang menjadi keinginannya. Di dalam al-Quran perkataan doa disebutkan sebanyak 202 kali dalam 52 buah surah, kemudian lafaz doa disebut di dalam al-Quran dan masing-masing mempunyai makna yang berbeza. Doa juga bermaksud solat, ibadah, istigahsah dan panggilan. Adapun keutamaan berdoa menurut al-Quran adalah doa merupakan amalan utama dan mulia disisi Allah. Doa juga merupakan asas ibadah. Doa juga salah satu bekalan kebaikan di akhirat. Oleh itu, berdoa kepada Allah itu merupakan salah satu cara untuk sentiasa mendekati diri kepada Allah. Apabila kita berdoa, kita dapat menghilangkan rasa sombong dihadapan Allah. al-Quran mengajarkan cara untuk berdoa adalah dengan memulakan doa dan pujian kepada Allah serta selawat kepada Rasulullah kemudian menutupnya dengan cara yang sama. Seterusnya, berdoa dengan rendah hati serta suara yang lembut. Selepas itu, berdoa menggunakan lafaz asma al-Husna.¹⁷

Kajian oleh Siti Aminah (2020), doa Nabi Yunus atau juga dikenali sebagai zikir Nabi Yunus merupakan zikir yang dibaca oleh Nabi Yunus ketika Baginda berada dalam perut ikan nun. Disebabkan zikir ini, Allah S.W.T. telah menyelamatkannya, yang akhirnya membolehkannya keluar dari perut ikan yang menelannya itu. Zikir dapat mengawal diri kerana dengan berzikir seorang hamba selalu mengingati Allah, segala larangan dan perintahnya, sehingga akan membuat seseorang lebih hati-hati dalam bertindak dan berbuat sesuatu. Salah satu zikir yang dapat diterapkan adalah zikir Nabi Yunus, dengan zikir inilah beliau diselamatkan oleh Allah. Zikir ini juga merupakan doa yang dipanjatkan oleh Nabi Yunus ketika bertaubat kepada Allah dari sifat yang seharusnya tidak ada dalam dirinya iaitu tidak sabar.¹⁸

Qurratul Aini (2021) dalam kajiannya menyebut bahawa Nabi Yunus adalah seorang nabi yang terkenal dalam agama Yahudi, Kristen, dan Islam. Menurut kisah yang diceritakan dalam al-Quran, Nabi Yunus adalah seorang nabi yang ditugaskan untuk memberitakan kebenaran kepada suatu kaum di negeri Ninawa, yang terletak di Mesopotamia.

Ataullah Mohd Ali (2021) dalam tulisannya menyebutkan Baginda menumpang sebuah kapal yang dipenuhi dengan penumpang yang ramai dan barangan yang banyak sehinggakan kapal itu hampir karam. Selepas beberapa ketika, para penumpang kapal pun bersetuju untuk membuat undian bagi memilih sesiapa yang bakal dikorbankan demi mengurangkan had muatan kapal. Nama baginda antara yang terpilih untuk dicampakkan ke laut. Allah menyuruh seekor ikan gergasi, untuk menelan Nabi Yunus. Ikan itu telah diberi ilham untuk tidak mengunyah daging dan mematahkan tulang baginda. Bahkan hanya menelan sahaja sebagai penjara untuk baginda.

Kisah Nabi Yunus ini menunjukkan bahwa setiap orang memiliki kesempatan untuk meminta ampun dan kembali ke jalan yang benar, asalkan mereka mau memohon kepada Allah dengan tulus

dan ikhlas.¹⁹ Dalam artikel ini, penulis akan menerangkan dengan lebih mendalam tentang Konsep Doa Nabi Yunus berdasarkan Surah al-Anbiya'. Untuk perhatian, artikel ini ditulis sebanyak 11 mukasurat sahaja.

Konsep Doa

Dari segi bahasa perkataan “doa” bererti panggilan atau meminta pertolongan, namun dari segi istilah ia lebih difahami sebagai permohonan daripada seorang hamba kepada Allah untuk menunaikan hajatnya.

Dalam al-Quran, perkataan doa mempunyai pelbagai pengertian dan makna. Antaranya dengan makna "ibadat" (Surah Yunus, 106), makna "memuji" (Surah Isra', 110), makna “memohon bantuan atau pertolongan” (Surah al-Qasas, 64) dan makna "permintaan" (Surah al-Mukmin, 60).²⁰

Berdasarkan kepada pengertian-pengertian doa yang tersebut, dapat dirumuskan bahawa doa adalah satu ibadat untuk melahirkan rasa rendah diri dan tunduk kepada Allah sambil menyatakan hajat atau permohonan yang dikehendaki.

Keutamaan Berdoa

Doa adalah suatu bentuk bukti penghambaan manusia kepada Allah. Orang yang beriman akan berdoa setiap saat dan bukan menunggu waktu mereka mengalami masalah dan musibah. Oleh itu, doa yang dilakukan oleh orang yang beriman dilakukan untuk mendekatkan dirinya kepada sang penciptan. Antara keutamaan berdoa adalah :

- **Doa Adalah Ibadah**

Firman Allah SWT dalam Surah Al Ghafir (40:60) :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: Dan Tuhanmu berfirman, “Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Aku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong tidak mahu menyembah-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina.” (Sheikh Abdullah Basmeih, 2022, halaman 474).

Imam Ibnu Katsir *rahimahullah* mengatakan bahawa ini merupakan diantara bentuk keutamaan yang Allah berikan kepada hamba-Nya agar berdoa kepada-Nya (Ibnu Katsir 1999). Dan Allah yang menjamin sendiri untuk mengabulkan doa tersebut. Selain itu, hadis yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir *radhiyallahu ‘anhu*, dari Nabi bersabda:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ

Maksudnya: “Doa adalah ibadah.” (Riwayat Abu Dawud no. 1479)

- **Doa Adalah Asbab Kecintaan Allah Kepada HambaNya**

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu* berkata, bahawa Rasulullah bersabda :

مَنْ لَمْ يَدْعُ اللَّهَ سُبْحَانَهُ، غَضِبَ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Barang siapa yang tidak berdoa kepada Allah, nescaya Dia marah kepada-Nya” (Riwayat Ibnu Majah no. 3827).

Imam Hafiz Ibnu Hajar menukilkan bahwa Imam At-Thaibi berkata : “Makna hadits di atas adalah barangsiapa yang tidak meminta kepada Allah, maka Allah akan murka kepadanya begitu pula sebaliknya Allah sangat suka apabila diminta hamba-Nya” (Ibnu Hajar 1431).

Imam Al-Mubarak Furi berkata bahwa orang yang meninggalkan doa berarti sombong dan merasa tidak memerlukan Allah. Dari hadis di atas menunjukkan bahwa permohonan hamba kepada Allah merupakan satu tuntutan kerana dapat menghindarkan dari murka Allah (Al-Mubarak 2002).

- **Doa Dapat Menjauhkan Musibah**

Hadis yang diriwayatkan oleh Tsauban *radhiyallahu ‘anhu*, dari Nabi bersabda:

لَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ ُ

Maksudnya: “Tidak ada yang menolak takdir kecuali doa.” (Riwayat Ahmad no. 22413)

Ali Al-Qari mengatakan bahawa maksud hadis di atas adalah doa menjadikan segala urusan mahupun masalah yang telah ditakdirkan oleh Allah menjadi mudah, seakan-akan masalah yang telah ditakdirkan kepada seorang hamba tertolak disebabkan doa (Al Qari 2002).

Ibnu Taimiyyah berkata: “Barang siapa berkata, ‘Aku tidak berdoa dan tidak meminta kerana berserah kepada takdir,’ maka dia telah keliru. Kerana Allah menjadikan doa termasuk antara sebab untuk meraih keampunan, rahmat, hidayah, pertolongan dan rezeki-Nya. Apabila seseorang telah ditakdirkan mendapatkan kebaikan disebabkan doa, maka kebaikan itu tidak akan dia dapat melainkan dengan berdoa (Ibnu Taimiyyah 2004).

Sebab Penurunan Ayat

Di dalam al-Quran banyak doa para nabi yang disebutkan, salah satu daripadanya adalah doa Nabi Yunus. Baginda merupakan seorang Nabi Allah yang diutuskan buat para penduduk perkampungan Ninawa, yang terletak di Kota Mosul, Iraq.²¹

Seperti tugas para nabi kebanyakan, baginda menyeru mereka untuk mengesakan Allah, namun mereka enggan dan berterusan dalam kekufuran mereka. Baginda mengancam mereka dengan bala yang bakal diturunkan kepada mereka. Kemudian baginda keluar untuk meninggalkan kaum baginda dalam keadaan marah.

Baginda menumpang sebuah kapal yang dipenuhi dengan penumpang yang ramai dan barangan yang banyak sehinggakan kapal itu hampir karam. Selepas beberapa ketika, para penumpang kapal pun bersetuju untuk membuat undian bagi memilih sesiapa yang bakal dikorbankan demi mengurangkan had muatan kapal. Nama baginda antara yang terpilih untuk dicampakkan ke laut.

Allah menyuruh seekor ikan gergasi, untuk menelan Nabi Yunus. Ikan itu telah diberi ilham untuk tidak mengunyah daging dan mematahkan tulang baginda. Bahkan hanya menelan sahaja sebagai penjara untuk baginda. Allah telah menggambarkan situasi ini sesuai dengan firman-Nya:

﴿وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ۝ ۱۳۹ إِذْ أَبَقَ إِلَى الْفُلِّكَ الْمَشْحُونِ ۝ ۱۴۰ فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ ۝ ۱۴۱ فَالْتَقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ۝ ۱۴۲ فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ۝ ۱۴۳ لَلَّيْتَ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ۝ ۱۴۴﴾

²¹ Shaykh ‘Abd al-Razzaq Bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr. 2016. *Rintihan Para Nabi*. (trans) Muhammad Ataullah Mohd Ali. Perlis, Multaqa Ahli Hadith Malaysia.

Maksudnya: Sesungguhnya Yunus adalah benar-benar salah seorang dari orang yang diutuskan. Ketika dia telah lari ke kapal yang penuh muatan, lalu telah mencabut undi, kemudian, jadilah dia dari kalangan orang-orang yang tertewas, lalu ikan paus itu melennya sedang dia sepatutnya dipersalahkan. Maka kalaulah tidak kerana bahawasanya adalah dia dari kalangan orang-orang yang memuliakan, nescaya dia telah tinggal di dalam perutnya kepada hari dibangkitkan semula mereka.

Tatkala baginda berada dalam perut ikan dalam kegelapan, baginda menyeru kepada Allah agar diberikan pertolongan dan mengakui kesilapannya, sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah:

﴿وَذَا النُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَاضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْغَمِّ ۚ وَكَذَلِكَ نُنْجِي الْمُؤْمِنِينَ﴾ ﴿الظَّالِمِينَ﴾

Maksudnya: Dan Dhu al-Nun ketika dia telah pergi dalam keadaan marah, dan dia telah berfikir bahawa tidak akan sekali-kali Kami mempunyai kuasa melakukan sesuatu ke atasnya, lalu dia telah mengisytiharkan di dalam kegelapan-kegelapan dengan ucapan: tiada apa jua Tuhan melainkan hanyalah Engkau, Maha Suci Engkau, kerana sesungguhnya aku, adalah dari kalangan orang-orang yang zalim.’ Lalu Kami telah memperkenankna baginya, dan kami telah menyelamatkan dia dari kesedihan itu, dan seperti itulah Kami selamatan orang-orang Mukmin

Berkenaan tafsiran Dhu al-Nun, Imam al-Tabari menyebutkan: ‘Dhu al-Nun ertinya pemilik al-Nun, iaitu ikan, yang dimaksudkannya adalah Nabi Yunus.

Seterusnya kami bawakan doa Nabi Yunus menurut petikan ayat al-Quran yang telah dikongsikan. Doa ini kami pecahkan kepada tiga aspek iaitu lafaz ‘لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ’ untuk aspek pertama. Selepas itu, lafaz ‘سُبْحَانَكَ’ untuk lafaz kedua. Manakala lafaz terakhir pula adalah ‘إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ’

Aspek pertama: Berkenaan ucapan baginda yang bermaksud: ‘tiada apa jua Tuhan melainkan hanyalah Engkau’ Shaykh al-Islam ibn Taymiyyah menyebutkan ia mengandungi pensabitan keesaan Allah dalam ilahiyah. Hak penyembahan Allah adalah merangkumi kesempurnaan ilmu, kudrat, kasih dan kebijaksanaan-Nya, sekaligus mensabitkan sifat ihsan kepada hamba. Ini kerana, illah membawa erti sesuatu yang berhak untuk disembah. Justeru sesuatu yang berhak disembah hendaklah bersifat dengan sifat yang menyebabkan ia dicintai semaksima mungkin dan ditaati sehabis taat, kerana penyembahan mengandungi konsep kemuncak cinta dan kemuncak penghinaan diri.²²

Aspek kedua: Pada ucapan baginda: ‘Maha Suci Engkau’, terdapat konsep mensucikan Allah daripada segala kekurangan dan aib, dan menetapkan sifat-sifat keagungan-Nya. Justeru ucapan ini mengandungi makna bagi nama-nama dan sifat-sifat Allah. Terkandung padanya kepujian yang sempurna bagi hak Allah yang disertakan ketundukkan dan kecintaan yang sempurna.

Aspek ketiga: ucapan ‘kerana sesungguhnya aku, adalah dari kalangan orang-orang yang zalim’ mengandungi konsep pengakuan dosa. Sebenarnya ia merupakan sebuah bentuk permohonan keampunan dari Allah. Kerana seseorang yang memohon kadangkala dia menceritakan sesuatu, sama ada menceritakan keadaan dirinya, atau menceritakan berkenaan permohonan yang ingin dituntut tersebut atau kedua-duanya sekali.

²²Shaykh ‘Abd al-Razzaq Bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr. 2016. *Rintihan Para Nabi*. (trans) Muhammad Ataulloh Mohd Ali. Perlis, Multaqa Ahli Hadith Malaysia. m/s 165-167

Ibn al-Qayyim menyebutkan, ‘berhubung dengan doa Nabi Yunus, ia mengandungi konsep tauhid dan penyucian dari kekurangan bagi Allah. Ia juga mengandungi pengakuan seorang hamba terhadap kezaliman dan dosa yang dilakukan.

Inilah empat perkara yang mana konsep tawasul terbina:

1. Tauhid.
2. Penyucian kekurangan bagi Allah.
3. Pengakuan kehambaan.
4. Pengakuan dosa.

Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa’ad bin Abi Waqqas yang meriwayatkan kepada Nabi, baginda bersabda:

دَعْوَةُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ: لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ، فَإِنَّهُ لَمْ يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya: Doa Nabi Yunus tatkala berdoa dalam perut ikan besar berbunyi: ‘tiada apa jua Tuhan melainkan hanyalah Engkau, kerana sesungguhnya aku, adalah aku dari kalangan orang-orang yang zalim’. Tiada seorang individu muslim pun yang membaca doa ini, melainkan Allah pasti akan kabulkan permintaanya.²³

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data dan analisis yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah kaedah pembacaan al-Quran, tafsir yang muktabar dan buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini dilaksanakan untuk konsep Doa Nabi Yunus.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kajian telah dihasilkan melalui beberapa kaedah iaitu:

1) Pembacaan

Penulis telah mengumpulkan banyak maklumat berdasarkan konsep doa dan aspek-aspeknya, yang terdapat dalam surah al-Anbiya', dan mengeluarkan aspek yang terdapat dalam doa tersebut.

2) Analisis

Setiap maklumat dan bahan yang diperoleh daripada kaedah diatas akan dianalisis terlebih dahulu oleh penulis secara terperinci. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat dan bahan yang digunakan adalah tepat dan benar.

KESIMPULAN

Penulis membawakan contoh dari al-Quran dan Hadis berkenaan doa ini. Justeru, doa ini banyak memberikan kelebihan kepada para pembaca, sehinggalah disebutkan dalam sebuah hadis, barangsiapa yang membaca doa ini, Allah tidak akan mengecewakan sang pembaca doa tersebut. Penulis juga beranggapan bahawa selain ibadah yang terdapat dalam rukun Islam, doa juga merupakan salah satu ibadah yang tidak boleh ditinggalkan, kerana doa juga sebahagian dari ibadah. Tambahan, Allah amat suka jika hamba-Nya memohon dan merintah kepada-Nya, sedangkan manusia tidak. Justeru, sebagai seorang Muslim, marilah kita mengamalkan doa yang telah dibincangkan ini kerana penulis telah memuatkan beberapa aspek doa yang terdapat dalam surah al-

Anbiya' ini. Kerana sesebuah doa yang dibaca dengan memahami makna lebih baik dari membaca dengan tidak memahami literasi setiap dari perkataan doa itu.

RUJUKAN

- Siafuddin Mahsyam. 2015. Konsep Doa Dalam Al-Qur'an (Kajian Tafsir Tematik). Institut Agama Islam Negeri (Iain) Palopo
- Siti Aminah. 2020. *Zikir* Nabi Yunus A.S sebagai Pendidikan Tauhid dalam Mengatasi Kecemasan di Masa Covid-19. *Edugama: Jurnal Kependidikan dan Sosial Keagamaan*
- Qurratul Aini. 2021. Struktur Kepribadian Nabi Yunus dalam Alqur'an (Pendekatan Psikoanalisis Sigmund Freud). *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Raushan Fikr Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 20/256-257
- Shaykh 'Abd al-Razzaq Bin 'Abd al-Muhsin al-Badr. 2016. *Rintihan Para Nabi*. (trans) Muhammad Ataullah Mohd Ali. Perlis, Multaqa Ahli Hadith Malaysia.
- Jannati, Z., & Hamandia, M. R. (2022). KONSEP DOA DALAM PERSPEKTIF ISLAM. *Jurnal Komunikasi Islam dan Kehumasan (JKPI)*, 6(1), 36-48.
- Novriansyah, N. (2020). *Hakikat Doa Dalam al-Quran (Kajikan Surat al-anbiya')* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).